

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**SOALAN BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ ALOR SETAR ]**

**SOALAN :**

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [ Alor Setar ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan status tiga projek mitigasi banjir di Alor Setar, Pendang, dan Bandar Baharu, Kedah, dan alasan-alasannya untuk kelambatan menyiapkan projek-projek tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah dan sedang melaksanakan beberapa projek tebatan banjir yang melibatkan pengambilan tanah.

Projek Rancangan Tebatan Banjir Sg. Kedah/ Anak Bukit merupakan projek RMKe-9 yang bermula dengan fasa reka bentuk pada tahun 2009 sehingga 2010. Fasa Pembinaan keseluruhannya dijangka akan siap pada November 2016.

Fasa Pembinaan projek ini dibahagikan kepada tiga pakej iaitu:

- 1) Pakej 1 iaitu Kerja-Kerja Menaik taraf Sg.Baru/Sg.Kubang Rotan Dan Kerja-Kerja Berkaitan (Dari CH000 Hingga CH5500) telah siap pada tahun 2012. Pakej 1 tidak melibatkan pengambilan balik tanah;
- 2) Pakej 2 iaitu Pembinaan Lencongan Sg. Baru (CH0 - CH12600) Dan Menaik taraf Sg. Anak Bukit (CH0 - CH1750) Serta Kerja-Kerja Berkaitan, RTB Sg. Kedah/Anak Bukit, Kedah bermula pada 25 September 2013 dan dijangka siap 26 Mei 2016. Pakej ini

melibatkan 245 lot pengambilan balik tanah. Masih terdapat 7 lot yang belum selesai; dan

- 3) Pakej 3 iaitu Menaik taraf Sg. Tanjung Pauh (CH12600 - CH25000), Menaik taraf Terusan Utama dan Terusan Utara Mada (CH0A - CH7400A) dan Menaik taraf Sg. Anak Bukit (CH1750 - CH4600) Serta Kerja-Kerja Berkaitan bermula pada 5 November 2014 dan dijangka siap pada 4 November 2016. Pakej ini melibatkan 268 lot pengambilan balik tanah. Masih terdapat 159 lot yang belum selesai. Proses pengambilan balik tanah mengambil masa yang agak panjang dan sedikit sebanyak telah menjaskankan kemajuan kerja di tapak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Unit Perancang Ekonomi (EPU) telah meluluskan peruntukan pada 27 Mei 2014 untuk melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sg. Pendang. Projek tersebut kini dalam proses reka bentuk yang dijangka siap pada 2016. Pelaksanaan projek fizikal hanya akan dibuat selepas kajian reka bentuk tersebut disiapkan.

Sekian, terima kasih.